

**SOALAN NO. 322****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING  
[KULAI]**

**SOALAN :**

**YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan antara 2013 hingga 2016 bagi tujuan pembangunan di dalam kawasan Parlimen Kulai dan butiran projek-projek pembangunan tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM153 juta bagi pelaksanaan 11 projek pembangunan bagi tahun 2013 hingga 2016 di kawasan Parlimen Kulai. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 projek telah siap manakala baki 6 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.